

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 25 MAC 2023  
AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA  
MUKA SURAT : 38

Prospek ekonomi terus hadapi cabaran

# Prospek ekonomi terus hadapi cabaran

**PETALING JAYA:** Prospek ekonomi jangka pendek Malaysia terus menghadapi cabaran dengan Indeks Pelopor (IP) menyusut 1.5 peratus kepada 108.5 mata pada Januari lalu daripada 110.2 mata bulan sama 2022, lapor Jabatan Perangkaan (DOSM).

Menurut Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr. Mohd. Uzir Mahidin, bilangan syarikat baru didaftar, import benar semi konduktor dan Indeks Perusahaan Bursa Malaysia adalah antara komponen yang menyebabkan penurunan IP.

Pada masa yang sama, kata beliau, IP bulanan juga turut mencatatkan penyusutan sebanyak 1.5 peratus pada

Januari 2023 berbanding 0.1 peratus bulan sebelumnya.

“Semua komponen menunjukkan penurunan kecuali Indeks Perusahaan Bursa Malaysia yang meningkat 0.3 peratus.

“Melihat kepada hala tuju

yang digambarkan oleh penurunan kadar pertumbuhan IP terlicin pada Januari 2023 iaitu kekal mencatatkan arah aliran di bawah trend 100.0-mata, menunjukkan bahawa prospek ekonomi Malaysia jangka pendek akan terus menghadapi cabaran.

“Ini sejajar dengan ramalan oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dan Bank Dunia yang menjangkakan pertumbuhan ekonomi global yang perlahan pada tahun 2023,” katanya dalam kenyataan.

Indeks Pelopor (IP) merupakan alat yang digunakan untuk menjangkakan kenakan dan penurunan ekonomi dalam purata empat hingga enam bulan ke hadapan.

Bagi kedudukan ekonomi semasa, Mohd. Uzir berkata, Indeks Serentak (IS) mencatatkan peningkatan 4.5 peratus tahun ke tahun kepada 119.5 mata.